

Malaysia, Brunei bincang teroka kerjasama ekonomi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia dan Brunei akan mengadakan perbincangan dua hala meneroka kerjasama baharu pasca Covid-19 dan pengukuhan dalam bidang ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, banyak perkara yang akan dibincangkan termasuk mengenai Laluan Perjalanan Vaksin (VTL) melalui udara antara Malaysia dan Brunei.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi ke negara itu menghadap Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman di Bandar Seri Begawan, semalam.

“Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, malam tadi, saya diberi sambutan rasmi dan perbarisan hormat daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

“Semoga lawatan ini membawa manfaat kepada Keluarga Malaysia dan rakyat Brunei,” katanya menerusi Twitter beliau, semalam.

Pertemuan disusuli dengan Majlis Santapan Rasmi yang akan dihoskan Seri Paduka Sultan Brunei dan Perdana Menteri juga bakal menghadiri sesi pertemuan bersama diaspora Malaysia di Bandar Seri Begawan.



ISMAIL Sabri Yaakob menghadap Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Pada lawatan berkenaan, Ismail Sabri diiringi isteri, Datin Seri Muhaini Zainal Abidin; Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Menteri

Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shaidan Kassim serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Lawatan ini dirancang dan dikendalikan berdasarkan tatacara prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan Malaysia dan Brunei.